

Semua pihak perlu patuh aspek keselamatan

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Ciri dan peraturan keselamatan bangunan harus dipatuhi tanpa sebarang kompromi oleh semua pihak bagi mengelakkan tragedi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah berulang pada masa akan datang.

Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, walaupun tragedi tersebut adalah angkara tujuh remaja berusia antara 11 hingga 18 tahun yang sengaja membakar pusat tahfiz tersebut sehingga meragut 23 nyawa, namun keselamatan bangunan tidak boleh diambil mudah oleh mana-

mana pihak.

“Negara kita mempunyai undang-undang dan garis panduan keselamatan bangunan yang ditetapkan pihak berkuasa dan mestilah dipatuhi tanpa kompromi. Bukan sahaja pusat tahfiz tetapi juga di semua bangunan.

“Tahun ini sahaja sebanyak 30 buah tahfiz menjadi mangsa kebakaran. Sebab itu isu mematuhi undang-undang serta pengawasan terhadap keselamatan bangunan amat mustahak. Ini supaya tidak terjadi perkara yang tidak diinginkan daripada



**SHAHRIZAT
ABDUL JALIL**

berlaku,” katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Kepemimpinan Antara-bangsa Institut Elektrik, Elektronik dan Kejuruteraan, Wanita dalam Kejuruteraan (IEEE WIE) 2017 di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi IEEE WIE,

Profesor Dr. Zuhaina Zakaria; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Dr. Hamisah Tapsir dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Dr. Aini Ideris.